

Majlis doa selamat, tahlil sempena ulang tahun UMSKAL

4B 19.4.2014 98

LABUAN: Mahasiswa dan mahasiswi telah menjayakan majlisdoaselamatdantahlilserta bacaan Yaasin sempena Ulang Tahun Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) ke-15 di Masjid Al-Hikmah malam

Khamis lalu.

Program itu dianjurkan Bahagian Pentadbiran dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Islam dan Masjid (BHEIM).

Turut diadakan tazkirah oleh Pegawai Psikologi, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)



USTAZ Muhd Tahir menyampaikan tazkirah sempena ulang tahun UMSKAL di Masjid Al-Hikmah.

Wilayah Persekutuan Labuan, Ustaz Muhd Tahir Juan.

Hadir sama Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali.

Turut hadir Penolong Pendaftar Pentadbiran Taufik Abd Latif, Penolong Pegawai BHEIM Ustaz Mohd Fazdrie dan Ketua Bahagian Keselamatan Usamah Mat Desa.

Muhd Tahir berkata, orang yang membuat kebaikan akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah dan penghormatan daripada orang lain.

Katanya, membuat kebaikan tidak memerlukan perbelanjaan atau tenaga yang banyak cukup sekadar melemparkan senyuman atau memberi salam kepada orang lain.

“Kita tidak akan rugi untuk berbuat baik kepada orang lain. Malah perbuatan kita itu akan dibalas oleh Allah dan orang lain satu hari nanti,” katanya.

Beliau juga menekankan kepada mahasiswa dan kakitangan universiti supaya sentiasa menghormati rakan bukan sahaja untuk mengekalkan persahabatan tetapi juga memantapkan perpaduan kaum.



SEBAHAGIAN mahasiswa yang menghadiri majlis tahlil dan doa selamat ulang tahun UMSKAL 2014.